



SIARAN MEDIA

KPKT SASAR BANTU 100,000 PEMBELI MILIKI RUMAH TAHUN INI MENERUSI SJKP BERNILAI RM40 BILION

IPOH, 5 APRIL 2026 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyasar untuk **membantu 100,000 individu memiliki rumah pertama menerusi Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP)**.

Menurut Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Nga Kor Ming, Kerajaan MADANI telah **mengumumkan tambahan peruntukan sebanyak RM10 bilion** bagi tujuan jaminan kredit ini dalam Belanjawan 2026. Ia menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada RM40 bilion.

“Melalui inisiatif ini, KPKT menyasar untuk membantu 100,000 individu memiliki rumah menjelang akhir tahun ini,” ujar beliau dalam ucapannya sempena Majlis Penutup Program MADANI Rakyat (PMR) 2026 Negeri Perak.

Sehingga 30 September lalu, SJKP telah meluluskan jaminan pinjaman perumahan bernilai RM23.17 bilion dan berjaya membantu seramai 97,180 individu memiliki rumah idaman masing-masing.

Kor Ming turut menegaskan komitmen KPKT untuk memastikan harga rumah mampu milik kekal stabil walaupun berdepan kenaikan kos bahan binaan di pasaran global susulan konflik di Asia Barat.

“KPKT turut memantau secara rapi agar projek-projek perumahan yang sedang dilaksanakan tidak terjejas atau mengalami kelewatan akibat situasi tersebut,” tambah beliau.

“Inilah komitmen dan janji kita dalam memperkukuh paksi kehidupan rakyat serta memastikan masa hadapan negeri Perak dan negara terus kekal cemerlang, gemilang dan terbilang.”

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah YBhg. Datuk Wira Dr. M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YBhg. Dato’ Nor Sham binti Rahman, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (Pengurusan), dan YBrs. Tuan Ahmad Jefry bin Aziz @ Adnan, Pengarah Eksekutif PACU, Pejabat Perdana Menteri.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

